

JUMAAT, 1 JANUARI, 1982

# Ramai tokoh UMNO mahu p- raya April?

**IPOH, Khamis** —  
Pemimpin-pemimpin  
UMNO di beberapa ne-  
geri difahamkan  
meminta pucuk pimpi-  
nan parti mengadakan  
pilihanraya umum  
akan datang dalam  
bulan April depan.

Mereka berpendapat  
bulan tersebut amat  
sesuai, tambahan pula  
musim cuti sekolah  
penggal pertama.

Para pemimpin parti  
yakin UMNO boleh  
memperolehi  
kemungkinan  
cemerlang jika rakyat  
membuang undi da-  
lam bulan tersebut.

Bagaimanapun, Berita  
Harian difahamkan  
UMNO Kelantan pim-  
pinan Tengku  
Razaleigh Hamzah  
mencadangkan agar  
tarikh pilihanraya itu  
ditangguhkan hingga  
ke bulan Jun.

Ia adalah kerana mereka  
memerlukan masa  
yang cukup untuk  
menentukan bilangan  
pemilih baru yang  
mereka anggap boleh  
mendatangkan keun-  
tungan besar kepada  
UMNO.

Sumber-sumber yang  
rapat dengan Tim-  
balan Perdana Men-  
teri, berpendapat jika  
pilihanraya jatuh  
bulan Jun, bermakna  
Parlimen akan  
dibubarkan dalam  
bulan Mac — dalam  
tempoh 60 hari  
sebelum pembuangan  
undi.

Sumber-sumber itu  
mengesahkan UMNO  
di beberapa negeri  
termasuk di sebelah  
utara berpendapat  
April adalah bulan  
yang sesuai untuk pli-  
hanraya baru di bawah  
penta d b i r a n  
"Mahathir-Musa".

Bulan Jun menurut  
beberapa orang  
pemimpin mungkin  
tidak sesuai kerana  
ketibaan bulan puasa.

Soal sama ada mesyua-  
rat agung perwakilan  
114 buah bahagian di  
seluruh Semenanjung  
hendak ditangguhkan  
selepas bulan April  
tidak menjadi  
masalah sekalipun  
selepas pilihanraya.

Ketua Penerangan  
UMNO Perak, Datuk  
Haji Hisan Ibrahim,  
berkata mesyuarat  
tersebut yang  
kebiasannya  
diadakan tidak lewat  
dari bulan Mei pernah  
ditangguhkan hingga  
ke bulan Jun dalam ta-  
hun 1974 semasa hayat  
bekas Perdana Men-  
teri Allahyarham Tun  
Abdul Razak.

Perdana Menteri, Datuk  
Seri Dr. Mahathir  
Mohamad dan tim-  
balannya difahamkan  
sedang meneliti tarikh  
yang sesuai untuk  
mereka memperolehi  
mandat baru selepas  
mengambil alih pucuk  
pimpinan negara  
bulan Julai lalu.

Sementara itu, UMNO di  
seluruh negara diarah  
bersiap sedia  
menghadapi "tarikh  
pilihanraya yang akan  
diadakan bila-bila  
masa tahun depan."

Walaupun arahan itu  
m a s i h b e l u m  
dikeluarkan secara  
rasmi, tetapi sudah  
menjadi tanggungja-  
wab ahli parti untuk  
membuat persediaan  
awal.

Juga difahamkan salah  
satu kerusi Parlimen  
di Perak dan Pulau  
Pinang mungkin  
bertukar tangan anta-  
ra Gerakan dan MCA.

Pucuk pimpinan Barisan  
Nasional pusat sedang  
mengkaji secara  
terperinci mengenai  
perkara itu.